



29 Jun 2011
29 June 2011
P.U. (A) 211

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH(PINDAAN) 2011

SUBORDINATE COURTS (AMENDMENT) RULES 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAEDEAH-KAEDEAH MAHKAMAH RENDAH 1955

KAEDAH-KAEDEAH MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [Akta 55], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2011.**
(2) Kaedah 3, 5 dan 6 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2011.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 [P.U. (A) 328/1980], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “*8 per centum*” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “*4 per centum*”.

Pindaan Aturan 1

3. Aturan 1 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 6 dengan memasukkan selepas takrif “*Judge*” takrif yang berikut:

‘ “mechanical means” includes any equipment, device, apparatus or medium operated digitally, electronically, magnetically or mechanically;’.

Pindaan Aturan 46

4. Aturan 46 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 2 –
 - (a) dengan memotong perkataan “the proviso to section 6 (2),”; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan “sections 11,” perkataan “16.”.

Pindaan Aturan 49

5. Aturan 49 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 3(1)(b) dan 3A(1)(b) dengan memasukkan selepas perkataan “notes of evidence” perkataan “in proceedings recorded wholly or partly by mechanical means”.

Pindaan Aturan 53

6. Aturan 53 Kaedah-Kaedah ibu dipinda –

(a) dalam kaedah 6, dengan memasukkan selepas perkataan “Court” perkataan “,and such seal shall include an electronic seal”; dan

(b) dengan memasukkan selepas kaedah 12 kaedah yang berikut:

“Electronic filing. 13. Any document required to be filed or issued under these Rules may be filed or issued electronically; and such filing or issue shall be deemed to comply with these Rules.”.

Pindaan Jadual A

7. Jadual A kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam Borang 137 –

(a) dengan memotong perkataan “and” yang terdapat di hujung perenggan (g); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut: “(ga) an order taking possession of the goods by the plaintiff; and”.

Dibuat 24 Jun 2011
[JK/MP 63 Jld.1; PN(PU2)128/XIII]

TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI
Ketua Hakim Negara, Malaysia

TAN SRI ABDUL GANI PATAIL
Peguam Negara, Malaysia

TAN SRI DATO' SERI ALAUDDIN BIN DATO' MOHD SHERIFF
Presiden Mahkamah Rayuan, Malaysia

TAN SRI ARIFFIN BIN ZAKARIA
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

TAN SRI JAMES FOONG CHENG YUEN
Hakim Mahkamah Persekutuan

DATO' JEFFREY TAN KOK WHA
Hakim Mahkamah Rayuan

DATUK DR. HAJI HAMID SULTAN BIN ABU BACKER
Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya

DATUK DAVID WONG DAK WAH
Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak

PUAN AZIZAH BINTI MAHMUD
Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur

ENCIK LIM CHEE WEE
Peguam bela, Semenanjung Malaysia

DATUK JOHN SIKAYUN
Peguam bela, Sabah